



## SIARAN AKHBAR

### **ALERT LIST AMBD TELAH DIKEMASKINIKAN**

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memaklumkan orang ramai bahawa Alert List AMBD telah dikemaskinikan.
2. Alert List AMBD adalah senarai individu, syarikat dan laman web yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah kawalan AMBD, atau mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan akan berlaku aktiviti yang menyalahi undang-undang. Senarai ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh AMBD mengenai aktiviti-aktiviti syarikat berkenaan.
3. AMBD juga ingin memaklumkan orang ramai bahawa individu, syarikat atau entiti yang telah dimasukkan ke dalam Alert List AMBD bagi bulan Ogos 2020 adalah seperti berikut:
  - a) JAA Lifestyle;
  - b) Khalifa BHH (FB Profile) (7312759); dan
  - c) Siti Hardiana (8879442) / Tarik Gaji (Invest 2020) / Invest Pusing Lagi / Company Eljojo / Invest Syarikat Fazfar Enterprise.
4. Alert List AMBD yang telah dikemaskinikan boleh didapati melalui laman web AMBD di [www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn). Senarai syarikat-syarikat dan individu-individu yang dilesenkan oleh AMBD juga boleh didapati di laman web yang sama.
5. AMBD ingin menasihati orang ramai supaya tidak berurusan dengan mana-mana entiti atau individu yang menjalankan aktiviti-aktiviti kewangan yang tidak berlesen atau yang disyaki mengandungi unsur-unsur skim cepat kaya dan skim pyramid. Antara perkhidmatan-perkhidmatan di bawah bidang kuasa AMBD termasuk penukaran wang, pengiriman wang dan pinjaman wang. Jika berurusan dengan entiti atau syarikat atau individu yang tidak dikawalselia oleh AMBD, orang ramai tidak akan dilindungi di bawah rangka kerja penyeliaan yang ditadbir oleh AMBD.
6. AMBD akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam. AMBD juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam. Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi AMBD melalui talian 2380007 atau emel melalui [fci@ambd.gov.bn](mailto:fci@ambd.gov.bn).

#### **Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

**Tarikh:** 9 Muharram 1442H / 28 Ogos 2020M

**Rujukan:** AMBD/COMMS/3